

PERINGATAN PENTING



mengenai **MERS - CoV**

PENGENALAN JANGKITAN *MERS-CoV

MERS-CoV menyebabkan jangkitan respiratori yang berlaku secara akut dan serius, iaitu demam, batuk dan kesukaran untuk bernafas. Kebanyakan kes mengalami radang paru-paru dan terdapat juga sebahagian kes yang dikesan dengan gejala *gastrointestinal* seperti cirit-birit. Bagi individu yang menghadapi penyakit kronik dan kurang daya tahan jangkitan (*immunocompromised*), gejala jangkitan mungkin berlaku dalam bentuk yang tidak lazim (*atypical*). Punca jangkitan dan cara jangkitan bagi MERS-CoV masih belum dapat dikenal pasti. Pihak WHO (*World Health Organization*) juga menegaskan tiada vaksin untuk MERS-CoV pada ketika ini.

* MERS-CoV; Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus



NASIHAT UMUM

Buat masa ini, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke negara-negara yang terlibat, termasuk Republik Korea. Namun begitu, orang awam yang ingin mengadakan lawatan ke mana-mana negara di Semenanjung Arab dan Republik Korea yang kini melaporkan kejadian wabak jangkitan MERS-CoV, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menasihatkan mengenai perkara-perkara berikut :

- Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman ;
- Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu ;
- Semasa dalam tempoh lawatan, elakkan daripada mengunjungi kediaman atau institusi penjagaan kesihatan yang terlibat dalam kejadian jangkitan wabak MERS-CoV di negara tersebut ;
- Khusus bagi para pelawat ke negara di Semenanjung Arab, semasa dalam tempoh lawatan :

- Elakkan daripada melawat ke ladang haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan, khususnya unta.
- Elakkan daripada minum susu unta mentah atau air kencing unta.
- Elakkan daripada makan makanan yang tidak dimasak dengan sempurna, terutama sekali daging unta.



- Mereka yang pulang dari lawatan ke negara-negara yang terlibat, khususnya dalam tempoh 14 hari setelah tiba di Malaysia, sekiranya mengalami gejala demam dan jangkitan respiratori (seperti batuk dan kesukaran bernafas) adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera serta memaklumkan mengenai sejarah perjalanan mereka kepada doktor yang merawat.
- Sebaik sahaja mengalami gejala tersebut, hadkan pergaulan dengan individu sihat di sekeliling dan pakai penutup mulut dan hidung (*mask*) apabila terpaksa berhubung / berurusan dengan orang lain.



Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia
www.infosihat.gov.my | www.myhealth.gov.my

